

Malaysia kini tempat kelima

18 AUG 1990

SEREMBAN, Jumaat — Malaysia kini menduduki tempat kelima dalam senarai lebih 130 negara membangun berikutan kerjasama erat antara penggal dan pelaksana dasar-dasar kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kajian pakar ekonomi antarabangsa mendapati Malaysia adalah antara negara membangun yang maju, selepas Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura.

Menurutnya, Perdana Menteri Kanada, Brian Mulroney sewaktu menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pernah mengatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara maju kerana kemudahan-kemudahan yang ada di sini sama dengan di negara maju.

Oleh itu, katanya, tanggapan rakyat bahawa negara ini mundur adalah tidak benar sama sekali.

"Kita selalu membandingkan negara ini dengan negara maju sedangkan kita tidak melihat kemunduran negara ketiga", katanya.

Berucap di majlis perjumpaan dengan pegawai kanan kerajaan negeri di sini, hari ini, beliau berkata, kemajuan Malaysia itu bukan disebabkan keistimewaan sistem politik, pentadbiran atau ekonomi negara, tetapi adalah hasil interaksi yang baik di antara semua pihak.